

Lokasi Pilihan

Spa Mesra Alam

Membelai tubuh di spa namun terasa bagaikan di rumah sendiri. Inilah perasaannya bila mengunjungi Poise Organic Wellness Studio.



URUTAN BADAN HERBA TERBAIK

Mengutamakan alam semula jadi, Connie Lim dan Gillian Wong pemilik spa ini memilih menggunakan kaedah urutan tradisional untuk pelanggan. Antara perkhidmatan yang disediakan di sini adalah urutan dan spa buat bakal pengantin dan bakal ibu, perawatan selepas bersalin, penjagaan tangan dan kaki serta *waxing*. Teknik urutan yang digunakan sangat istimewa. Daripada teknik urutan Bali hinggalah Shiatsu, setiap juruterapi memiliki teknik perawatan mereka tersendiri. Minyak urutan yang digunakan pula adalah 100 peratus botani, tanpa alkohol, bahan kimia, wangian sintetik dan pewarna tambahan. Dibuka setiap hari dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Selepas jam lapan malam adalah untuk temu janji sahaja.



Kunjungi spa ini di 205, Jalan Sepadu, Taman United, Off Jalan Kelang Lama, 58200 Kuala Lumpur **Tel:** +603-79808890, +603-79711709

Atau AG-7, Ground Floor, Happy Mansion Blok A, Jalan 17/13, Seksyen 17, 46400 Petaling Jaya Selangor **Tel:** : +603-7932 0339

Laman web www.poiseows.com

Poise Organic Wellness Studio
body • face • nutrition • boutique